

Gotong royong perdana sempena Program Bakti Siswa di Tawau

Utusan Borneo (Sabah) 10 Nov 2016



MARY Yap meyembur air menggunakan pili bomba bagi memulakan gotong royong.

TAWAU: Mahasiswa perlu mencabar diri menjadi graduan holistik dan tidak hanya menumpukan kepada kecemerlangan dalam akademik semata-mata, kata Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching.

Beliau berkata ia penting bagi memastikan mahasiswa lengkap dengan semua ilmu dan kemahiran serta kekal relevan, sekali gus menjadi modal insan utama untuk membantu kemajuan negara pada masa hadapan.

“Mahasiswa perlu mengukuhkan jati diri dan bersemangat meningkatkan prestasi bidang yang diambil bagi membolehkan mereka menjadi pencetus kepada usaha membantu masyarakat,” katanya ketika merasmikan Program Baktisiswa Perdana Zon Tawau yang diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Tawau.

Program yang dijalankan selama sehari ini diharapkan dapat memupuk sikap semangat sukarelawan dan kerjasama.

Mary Yap yang juga Anggota Parlimen Tawau berkata mahasiswa perlu menjadikan universiti sebagai medan melengkapkan diri dengan kemahiran dan aspek kepimpinan agar berupaya menjadi harapan dan sandaran bangsa serta negara pada masa hadapan.

Mengulas mengenai program berkenaan, Mary Yap berharap mahasiswa dan mahasiswi dapat menimba ilmu dan pengalaman yang dapat digunakan pada masa hadapan.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam ucapannya berkata, mahasiswa perlu menerapkan nilai kesukarelaan dan menyertai pelbagai aktiviti berbentuk kemasyarakatan.

Ini penting dalam usaha melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dan mencungkil keinginan berbakti kepada masyarakat tanpa mengharap balasan, katanya.

Sebelum itu, Presiden Majlis Perbandaran Tawau, Datuk Alijus Haji Sipil berkata, Program seumpama itu dapat memupuk kesedaran rasa tanggungjawab terhadap kebersihan Bandar Tawau. Dalam masa yang sama dapat membentaras virus zika yang semakin menular masa ini.

Turut hadir pada program itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Ismail Ali.